

Latihan 1

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata ganda** dan **dua kata akronim**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Berdasarkan laporan penyiasatan pelanggaran dikeluarkan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) pada tahun 2020, tingkah laku pemanduan berisiko dan memandu melebihi halaju menjadi penyumbang bilangan kematian tertinggi. Sikap menunjuk-nunjuk memiliki kenderaan berkuasa tinggi dan memandu laju juga menjadi petunjuk kepuasan seolah-olah menjadi trend semasa. Didikan dan kesedaran berhubung bahaya serta impak memandu laju menerusi pendidikan, kempen dan kursus perlu bermula sejak tadika hingga universiti. Pemandu perlu sentiasa beringat-ingat malang tidak berbau dan perbuatan gemar memandu laju berbahaya dan berisiko tinggi.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Pandu laju penyebab utama kemalangan maut'
oleh Noradrenalina Isah, *Berita Harian Online*, 11 Mac 2021

[8 markah]

Dua kata ganda

1. _____
2. _____

Dua kata akronim

1. _____
2. _____

Ayat

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____

Latihan 2

Baca dialog di bawah dengan teliti dan senaraikan **tiga kata ganda**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Semakin menghampiri Syawal, ramai orang mula berkira-kira dengan mencongak perancangan untuk balik ke kampung meraikan Aidilfitri. Dua kempen Op Selamat sempena Aidilfitri, masing-masing pada 2016 dan 2017 sebagai contoh, menunjukkan hasil positif. Kompaun maksimum RM300 sepanjang tempoh kempen turut diperkenalkan untuk mengurangkan kadar pelanggaran undang-undang di jalan raya. Namun agak menyedihkan apabila polis dan agensi penguat kuasa lain yang terbabit dalam Op Selamat sahaja dilihat seolah-olah terhegeh-hegeh menjaga nyawa orang awam sedangkan sikap tuan empunya diri di jalan raya mencerminkan sebaliknya.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Ubah sikap tak perlu tunggu kempen'
oleh Adha Ghazali, *Berita Harian Online*, 13 Jun 2018

[6 markah]

Tiga kata ganda

1. _____
2. _____
3. _____

Ayat kata ganda

1. _____
2. _____
3. _____